



13 APR, 2026

Misi terlaksana

Harian Metro, Malaysia



Oleh Malik Muhamad
sukan@hmetro.com.my

Kuala Terengganu

Ketua jurulatih TNB ThunderStars, Madzli Ikmar Mohd Nor mengakui kehadiran ramai pemain kebangsaan memberi impak besar buat pasukannya yang merampas semula Piala Sumbangsih Liga Hoki Malaysia (MHL) musim ini.

Beliau menyifatkan pengalaman dimiliki pemainnya turut menjadi penyumbang kemenangan biarpun pada awalnya ketinggalan dengan dua jaringan.

“Selain itu semangat jua tinggi untuk menang sebagaimana kami terapkan sebelum ini serta kerjasama dan keserasian turut menjadi penyumbang kemenangan pasukan.

“Lagipun misi kami adalah merangkul semula Piala Sumbangsih yang terlepas musim lalu, biarpun pada awal permainan kami menerima tekanan hebat daripada pasukan lawan.

“Kehadiran 16 pemain kebangsaan dalam pasukan memberi kelebihan besar buat kami, tambahan pula pemain import dari Korea Selatan, Jang Jong Hyun adalah pemain berpengalaman,” katanya.

Kelmarin, mereka bangkit daripada ketinggalan 0-2 untuk seteru utama yang juga juara bertahan,



SKUAD TNB ThunderStars muncul juara Piala Sumbangsih MHL selepas menewaskan THT dengan jaringan 5-4 dalam perlawanan di Stadium Hoki MBKT, kelmarin. NSTP/GHAZALI KORI

TNB THUNDERSTARS RAMPAS SEMULA PIALA SUMBANGSIH MHL

Misi terlaksana

Pasukan Hoki Terengganu (THT) dengan kemenangan 5-4 pada aksi di Stadium Hoki Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT).

Madzli akui kehadiran ramai pemain kebangsaan beri impak besar

Pakar pukulan sudut penalti, Jong Hyun mencipta hatrik manakala dua lagi gol TNB dijangkan Adam Ashraf Mohd Johari dan bekas pe-

main THT musim lalu, Akhimullah Anuar Esook. Gol skuad THT pula dijangkan penyerang kebangsaan, Faizal Saari yang meledak dua jaringan serta masing-masing satu gol menerusi Samkelo Mvimbi dan adik Faizal, Fitri.